

**ASPEK PERUBAHAN, FUNGSI DAN SIMBOL  
RAGAM GERAK TARIAN SUMANGGAK ETNIK  
TOMBONUO DI DAERAH PITAS, SABAH**

**CHENG JIA MIN**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**2020**

**ASPEK PERUBAHAN, FUNGSI DAN SIMBOL  
RAGAM GERAK TARIAN SUMANGGAK ETNIK  
TOMBONUO DI DAERAH PITAS, SABAH**

**CHENG JIA MIN**



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
2020**

## UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_IJAZAH : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_SAYA : \_\_\_\_\_ SESI PENGAJIAN : \_\_\_\_\_  
(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis \*(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

Alamat Tetap: \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

TARIKH: \_\_\_\_\_

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: \_\_\_\_\_

Catatan:

\*Potong yang tidak berkenaan.

\*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

\*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

## **PENGAKUAN**

Karya ini adalah hasil kajian pengkaji sendiri, kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah pengkaji nyatakan sumbernya.

18 Mac 2020

---

CHENG JIA MIN  
(MA1511039T)



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : **CHENG JIA MIN**  
NO PELAJAR : **MA1511039T**  
TAJUK : **ASPEK PERUBAHAN, FUNGSI DAN SIMBOL  
RAGAM GERAK TARIAN SUMANGGAK ETNIK  
TOMBONUO DI DAERAH PITAS, SABAH**  
IJAZAH : **SARJANA SASTERA**  
BIDANG : **SENI KREATIF**  
TARIKH VIVA : **15 JANUARI 2020**



**1. PENYELIA UTAMA**

Profesor Dr. Low Kok On

**DISAHKAN OLEH**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Tandatangan

**2. PENYELIA BERSAMA**

Sharip Zainal Bin Sagkif Shek

## **PENGHARGAAN**

Tesis ini telah disokong dan dibantu oleh banyak pihak terutama Dekan Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW), Dr. Marsitah Mohd Radzi dan Dekan Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP), Profesor Hj. Dr. Ismail Ibrahim (bekas Dekan FKSW semasa tempoh pengajian saya), yang telah memberi satu peluang untuk saya membuat sebuah kajian dalam bidang kesenian. Setiap sokongan daripada FKSW sepanjang tempoh pengajian saya amat dihargai dan diingati seperti kecil tapak tangan, nyiru kami tadahkan.

Selain itu, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada tulang belakang utama saya, iaitu Profesor Dr. Low Kok On, penyelia utama Ijazah Sarjana saya. Beliau telah banyak memantau dan membimbing saya sepanjang proses membuat kajian sehingga menghasilkan tesis ini. Saya telah hutang terima kasih dan budi yang besar dengan Profesor Dr. Low Kok On. Bersama dengan En. Sharip Zainal Sagkif Shek, penyelia bersama saya yang telah memberi banyak sokongan dan ilmu baharu yang berkait dengan kajian ini supaya dapat melancarkan progres tesis ini.

Pensyarah-pensyarah dan kawan-kawan dari Negeri Sabah dan Sarawak yang telah banyak berkongsi ilmu dengan saya juga ingin menyampaikan ribuan terima kasih kepada kalian semua. Antaranya Suhaimi Magi, Sri Ningsih Sukirman, Mohd Afizi Bin Mohd Nasir, Susan Wong, Abdul Rahman Ag Daud dan banyak penyokong lagi. Tanpa melanjutkan pengajian ini, ilmu tentang kebudayaan Borneo saya adalah kosong. Setiap pertanyaan dari saya telah dijawab oleh kalian semua dan akan diingati sampai bila-bila.

Persatuan Bangsa Tombonuo Sabah (PBTS) telah memberi bantuan kepada saya semasa kajian lapangan dijalankan. Ribuan terima kasih juga ingin diucapkan kepada PBTS atas pertolongan kepada saya dengan sepenuh ikhlas hati. Tanpa PBTS, kajian ini juga tidak dapat diwujudkan untuk bidang pelajaran. Terutama Encik Daimin Kuddieng, Bendahari PBTS, Musa Osman, Naib Setiausaha PBTS, Suana Kabora, pengolah tarian Sumanggak dan juga kepada para informan serta penduduk kampung etnik Tombonuo di Daerah Pitas telah memberi bantuan kepada saya semasa kajian lapangan dijalankan.

Akhir sekali saya ingin berucap ribuan terima kasih kepada ibu bapa saya yang telah banyak mengkorbankan diri untuk memberi peluang pendidikan kepada anak mereka, iaitu bapa kandung Cheng Siow Keong dan ibu kandung Tan Lay Yong. Tanpa pengorbanan dan sumbangan mereka, tentu tidak wujud hasil tesis ini di dunia ini. Terima kasih juga ingin disampaikan kepada adik-beradik saya, Cheng Jia Yi, Cheng Jia Qi dan Cheng Jia Long. Mereka sentiasa memberi semangat dan sokongan kepada saya sepanjang membuat tesis ini.

Cheng Jia Min

18 Mac 2020

## **ABSTRAK**

Tarian Sumanggak ialah tarian tradisional etnik Tombonuo yang menetap di daerah Pitas, Sabah. Tumpuan kerja lapangan ini adalah menginterpretasi simbol dan fungsi dalam ragam gerak tarian Sumanggak moden etnik Tombonuo. Tarian Sumanggak moden telah diolah oleh Suana Kabora berdasarkan pergerakan ritual *Muinsamung* dan *Monginsamung* etnik Tombonuo di Daerah Pitas, Sabah pada tahun 1983. Berbanding dengan tarian tradisional etnik Kadazan Dusun seperti tarian Sumazau di Penampang, tarian Sumanggak boleh dikatakan tidak begitu dikenali umum. Fokus kajian ini tertumpu kepada aspek persembahan, pengolahan dan simbol ragam gerak tarian Sumanggak moden. Bagi mengumpul data kajian, sebanyak empat siri kajian lapangan telah dijalankan di empat buah kampung di Daerah Pitas, Sabah. Kaedah temu bual, pemerhatian, rakaman video dan pengambilan gambar telah digunakan dalam kajian lapangan. Hasil analisis secara interpretasi mendapati asal usul nama tarian Sumanggak diperolehi daripada perbuatan membuka gadur (bekas yang diperbuat daripada tembaga), yang dikenali sebagai adat sumanggak. Aspek-aspek persembahan tarian Sumanggak seperti ragam gerak, kostum, alat muzik, dan prop juga dialami perubahan dari segi fungsi dan pengolahan. Setiap ragam gerak turut didapati mempunyai simbol yang berkait rapat dengan ritual tradisional etnik Tombonuo. Kesimpulannya, aspek-aspek persembahan, pengolahan dan simbol ragam gerak tarian Sumanggak moden masih mengekalkan identiti asal ritual etnik Tombonuo.




**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **ABSTRACT**

### **ASPECT OF CHANGES, FUNCTION AND SYMBOL IN THE SUMANGGAK DANCE MOVEMENT OF THE TOMBONUO OF PITAS DISTRICT, SABAH**

*The modern Sumanggak dance was created by Suana Kabora in 1983, based on the movements of the Muinsamung and Monginsamung rituals of the Tombonuo ethnic group of Pitas District, Sabah. The Sumanggak dance is less popular as compare to the Sumazau dance of the Kadazan Dusun in Penampang District. This study focus on the aspects of performance, creation and symbols that portray in the dance movement of the modern Sumanggak dance. Four field trips to collect data have been conducted in four of the Tombonuo villages in Pitas District. Among the research method employed are interviews, observations, video recordings and photography. Based on the interpretation analysis of the study, it was found that the name of the modern Sumanggak dance was originated from the act of opening the gadur (vessel made of bronze), which is known as sumanggak. The aspect of dance movements, costume, musical instruments and props have encountered changes in terms of function and modification. Each symbol of the dance movement has been found closely related to the Muinsamung and Monginsamung ritual too. In conclusion, aspects of performance, creation and symbols in the dance movement of the modern Sumanggak dance maintained the identity of the original ritual of the Tombonuo ethnic group.*



UNIVERSITI  
UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI KANDUNGAN**

	Muka Surat
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
<b>SENARAI GAMBAR</b>	xii
<b>SENARAI PETA</b>	xiv
<b>SENARAI CARTA</b>	xv
<b>SENARAI GLOSARI</b>	xvi
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xx



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

### **BAB 1: PENDAHULUAN**

1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Permasalahan Kajian	5
1.3	Objektif Kajian	6
1.4	Lokasi Kajian	6
1.5	Kaedah Analisis Data	8
1.6	Limitasi Kajian	9
1.7	Kepentingan Kajian	10
1.8	Kesimpulan	11

### **BAB 2: SOROTAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	12
2.2	Konsep Ritual dan Kepercayaan	13
2.3	Kepercayaan Tradisional Etnik Peribumi di Sabah	16

2.4	Definisi Mengayau dan Budaya Mengayau Etnik Peribumi di Sabah	23
2.5	Tarian-tarian Tradisional di Sabah	31
2.6	Kajian Terhadap Tarian Sumanggak Etnik Tombunuo	38
2.7	Teori Semiotik dalam Pergerakan Tarian	42
2.8	Rumusan	45

### **BAB 3: KERJA LAPANGAN DAN HASIL KERJA LAPANGAN**

3.1	Metodologi dan Kaedah Kajian	47
3.2	Pengenalan: Latar Belakang Etnik Tombunuo dan Tempat Kajian	48
3.3	Strategi Kerja Lapangan	53
3.4	Mengenal Pasti Informan	55
3.5	Lokasi Kajian Kerja Lapangan	58
3.6	Persediaan Sebelum Kajian Lapangan	61
3.7	Kedah-kaedah Kerja Lapangan	62
3.7.1	Persediaan Temu bual Informan	64
3.7.2	Pemerhatian dan Rakaman Video	64
3.7.3	Kaedah Fotografi	67
3.7.4	Tahap Mendokumentasi Hasil Temu Bual	68
3.8	Laporan Kerja Lapangan	70
3.9	Hasil Kerja Kajian Lapangan	75
3.10	Penutup	84

### **BAB 4: PERSEMBAHAN TARIAN SUMANGGAK ETNIK**

#### **TOMBUNUO**

4.1	Pengenalan	86
4.2	Tarian Sumanggak: Satu Pengenalan	87
4.3	Asal Usul Tarian Sumanggak Etnik Tombunuo	90
4.4	Perubahan Upacara <i>Muinsamung</i> dan <i>Monginsamung</i>	93
4.5	Perubahan Persembahan Tarian Sumanggak	102
4.5.1	Persembahan Tarian Sumanggak pada Zaman Mengayau	103

4.5.2 Persembahan Tarian Sumaggak pada Zaman Penjajahan British	105
4.5.3 Persembahan Tarian Sumanggak pada Zaman Sekarang	110
4.6 Fungsi Tarian Sumanggak	111
4.6.1 Zaman Mengayau	115
4.6.2 Zaman Penjajahan British dan Sekarang	118
4.7 Penutup	

## **BAB 5: ASPEK PENGOLAHAN DAN SIMBOL RAGAM**

### **GERAK TARIAN SUMANGGAK**

5.1 Pengenalan	120
5.2 Kaitan antara Aktiviti Mengayau, Upacara dan <i>Sumanggak</i>	121
	124
5.3 Aspek-aspek Persembahan Tarian Sumanggak Olahan	128
	138
5.4 Pengolahan Ragam Gerak Tarian Sumanggak	144
5.5 Simbol Ragam Gerak Tarian Sumanggak	
5.6 Penutup	

## **BAB 6: PENUTUP**

6.1 Pengenalan	145
6.2 Implikasi dan Cadangan Kajian	148

<b>RUJUKAN</b>	150
----------------	-----

<b>LAMPIRAN</b>	159
-----------------	-----

## **SENARAI JADUAL**

Jadual 2.1:	Jenis-jenis tarian tradisional Sabah dalam tulisan Ismail Abbas dan Shaong (1984), Ismaily Bungsu (1988) dan Asmad (1990).	32
Jadual 3.1:	Senarai informan yang ditemu bual di Kadazan Dusun Cultural Association (KDCA), Penampang (2016) serta maklumat umumnya.	55
Jadual 3.2:	Senarai informan yang ditemu bual di Kampung Tambilidon, Pitas (2017).	56
Jadual 3.3:	Senarai informan yang ditemu bual di Kampung Bangkau-bangkau, Pitas (2017).	57
Jadual 3.4:	Senarai informan yang ditemu bual di Kampung Manggis, Pitas (2017).	57
Jadual 3.5:	Senarai informan yang ditemu bual di Pejabat PBTS, Kampung Tambilidon, Pitas (2018).	58
Jadual 3.6:	Senarai Lokasi Kajian	58
Jadual 3.7:	Latar Belakang Etnik Tombonuo	76
Jadual 3.8:	Keturunan pewaris-pewaris jawatan <i>bolian</i> di Daerah Pitas	79
Jadual 4.1:	Perbandingan persembahan tarian Sumanggak pada setiap peringkat masa.	102
Jadual 4.2:	<i>Rinait musinda'it</i> yang dilafazkan oleh <i>bolian</i> selepas majlis pengebumian si mati dijalankan.	109
Jadual 4.3:	<i>Rinait sinda'it</i> yang dilafazkan oleh <i>bolian</i> selepas doa biasa dijalankan.	109
Jadual L2:	Soalan Sesi Temu Bual Kajian Lapangan di Daerah Pitas (2018)	176

## **SENARAI RAJAH**

Rajah 3.1:	Strategi Kajian Lapangan Pengkaji	54
Rajah 3.2:	Keturunan Aki Timbangan dan Odu Maimuna	77
Rajah 5.1:	Konsep utama sesebuah persembahan (Schechner, 2003[1988]).	129



## **SENARAI GAMBAR**


Gambar 2.1:	Parang <i>ilang</i> etnik Iban di Sarawak.	29
Gambar 3.1:	<i>Bolian-bolian</i> (pakar upacara yang memakai baju merah dan berkain sarung) sedang melafazkan <i>rinait</i> dalam upacara <i>Momokan</i> di Kampung Bangkau-bangkau.	53
Gambar 3.2:	Para penari memakai kostum tradisional etnik Tombonuo.	65
Gambar 3.3:	Suana Kabora sedang menunjuk cara memegang daun <i>silad</i> (gambar kiri) dan Salomah Kabora menunjuk cara memegang nyiru (gambar kanan). Gambar ini ialah hasil tangkapan skrin rakaman video.	66
Gambar 3.4:	Sesi temu bual pengkaji bersama rombongan etnik Tombunou di Kadazan Dusun Culture Association (KDCA), Penampang pada 30 Mei 2016.	70
Gambar 3.5:	Sesi temu bual antara pengkaji dengan Suana Kabora (berbaju warna hitam) dan Salomah Kabora (berbaju warna biru muda) di Dewan Kampung Tambilidon, Daerah Pitas.	72
Gambar 3.6:	Sesi temu bual bersama Puhin Ajah (berbaju warna kelabu) di rumah Daimin Kuddieng (berbaju warna jingga) di Kampung Bangkau-bangkau, Daerah Pitas.	73
Gambar 3.7:	Sesi temu bual bersama Majuri Langiu (berbaju warna hitam) dan Asidah Langgiu (berbaju warna merah) di Kampung Manggis, Daerah Pitas.	74

Gambar 3.8:	Sesi temu bual bersama Masumboh Alagang (memegang tali gong) dan Juans Tikuson (berbaju warna biru muda) di Pejabat Persatuan Bangsa Tombonuo Sabah (PBTS), Daerah Pitas.	75
Gambar 4.1:	Pemegang daun <i>silad</i> dan <i>bolian</i> sedang menjalankan upacara <i>Monginsamung</i> di hadapan rumah si mati.	97
Gambar 4.2:	Sajian upacara <i>Monginsamung</i> .	107
Gambar 4.3:	<i>Bolian</i> mula melafazkan <i>rinait</i> , pada masa ini paluan gong dimainkan secara perlahan-lahan di rumah si mati.	108
Gambar 4.4:	Salomah Kabora (informan) menunjukkan cara <i>bolian</i> mengantung daun <i>silad</i> selepas <i>monotas silad</i> .	108
Gambar 4.5:	Daun <i>ombiau</i> ( <i>Cordyline fruticosa</i> ) (kiri) dan darah ayam (kanan).	110
Gambar 5.1:	Sajian pemujaan semangat yang dihidang di dalam <i>libu</i> (nyiru).	132
Gambar 5.2:	Penari perempuan pula meletak <i>libu</i> di atas lantai dan mula menghayun kedua-dua tangan mereka ke arah atas.	133
Gambar 5.3:	Penari lelaki bersama-sama mengangkat daun <i>silad</i> ke atas sambil lumonggis (memangkis) di tengah pentas.	134
Gambar 5.4:	Ragam gerak <i>Monginsamung</i> (pertemuan) antara pasangan penari lelaki dan penari perempuan.	135
Gambar 5.5:	Penari lelaki dan penari perempuan dalam posisi seranting selepas jeritan kedengaran ketiga dilakukan.	136
Gambar 5.6:	Penari lelaki menjatuhkan daun <i>silad</i> ke depan paras pinggang sambil mengundur ke belakang, manakala penari perempuan mengenjut-enjut setempat sambil memegang nyiru.	137

Gambar 5.7: Daun *silad* (kiri) dan nyiru (kanan) yang digunakan dalam persembahan tarian Sumanggak. 141

## **SENARAI PETA**

Peta 1.1: Peta Sabah: Beberapa lokasi kajian yang dipilih telah ditanda dengan titik merah di Daerah Pitas, Sabah. 8



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI CARTA**

Carta Pai 3.1: Kepercayaan Etnik Tombonuo 80



## **SENARAI GLOSARI**

<i>Antaboh</i>	Nama panggilan amalan memburu kepala etnik Murut
<i>Atod-atod</i>	Adat <i>sumangat</i> ; adat membuka pantang dengan melalui kenduri makan.
<i>Baha'i</i>	Sejenis agama baharu yang diwarisi oleh etnik Tombonuo di Daerah Pitas
<i>Bega'a</i>	Tempat perubatan
<i>Bolian</i>	Pakar upacara perempuan etnik Tombonuo
<i>Bobohizan</i>	Pakar upacara perempuan etnik Kadazan Dusun
<i>Bolintung</i>	Pelangi
<i>Bosi</i>	Nama panggilan sejenis pisau parang etnik Tombonuo
Daun <i>Silad</i>	Sejenis daun kelapa sawit ( <i>palm leaf</i> )
<i>Gadur</i>	Sejenis bekas yang dibuat daripada tembaga
<i>Galun</i>	Tali pinggang besi perempuan dalam bentuk syiling besar.
<i>Gonding</i>	Beberapa kepingan logam diikat dalam segugur untuk digoyang semasa upacara tradisional dikendalikan.
<i>Igiu</i>	Rantai leher yang bermanik saiz besar.
<i>Kalang</i>	Berpantun
<i>Kobusungan</i>	Ketulahan
<i>Kolongkang</i>	Bekas yang diisi dengan ikan, nasi dan telur untuk roh si mati dengan menggunakan rotan mengantungkannya.
<i>Kinoingan/</i>	Tuhan etnik Tombonuo dalam kepercayaan tradisional
<i>Kinoringan/</i>	
<i>Minomangun</i>	
<i>Libu</i>	Nyiru; sejenis hasil anyaman daripada rotan
<i>Lombuson</i>	Upacara membuka pantang
<i>Lumonggis</i>	<i>Pangkis</i> ; menjerit dengan nada yang tinggi

<i>Mengukas</i>	Upacara dalam majlis kematian etnik Tombonuo.
<i>Mianat</i>	Nama panggilan keseluruhan semangat
<i>Momokan</i>	Upacara untuk membayar sogit kepada semangat di alam sekeliling dalam masa setahun sebelum perayaan baharu bagi etnik Tombonuo
<i>Momolongan</i>	Kumpulan daun <i>silad</i> yang diketuai oleh Ketua Kampung
<i>Mongimuau</i>	Upacara untuk memohon penjagaan dari roh-roh suci dalam Pesta Monginakan (di Nunuk Ragang)
<i>Monginsamung</i>	Upacara untuk menenangkan roh si mati selepas tiga hari daripada majilis pengebumian si mati (diwarisi sejak zaman penjajahan pihak British)
<i>Mongologa</i>	Perarakkan rombongan daun <i>silad</i> dari pendalaman hutan menuju balik ke rumah si mati sambil meniup <i>toburi</i> secara bergantian.
<i>Mongolombus</i>	Perarakkan rombongan daun <i>silad</i> dari rumah si mati menuju ke arah tempat kubur si mati sambil meniup <i>toburi</i> .
<i>Mongora'ak</i> <i>tobusuang</i>	Adat sembelih ayam dan mengambil darah ayam campur dengan daun <i>ombiau</i> untuk membuka pantang para hadirin majlis.
<i>Mongoratob</i>	Sejenis adat, iaitu pada waktu malam memanggil roh si mati balik rumah makan.
<i>Mongulid</i>	<i>Mukas</i> ; berkabung untuk si mati sepanjang setahun
<i>Monombodou</i>	Membuka atau meneroka (sesuatu kawasan baharu)
<i>Monotas silad</i>	Memotong daun <i>silad</i>
<i>Monubayon</i>	Upacara mengusir semangat jahat oleh <i>bolian</i> .
<i>Muinsamung</i>	Upacara untuk memuja roh pahlawan yang terkorban dalam aktiviti mengayau, kemudian diubahsuai oleh Aki Datu untuk memberkati roh pahlawan sebelum pergi memperjuangkan dalam aktiviti mengayau atau memburu di hutan.
<i>Mukas</i>	<i>Mongulid</i> ; berkabung untuk si mati sepanjang setahun
<i>Murunsai</i>	<i>Berunsai</i> ; Sejenis tarian tradisional etnik Tombonuo berfungsi hiburan.
<i>Musinda'it</i>	Puisi upacara yang memberi pesanan kepada roh si mati etnik Tombonuo.

<i>Ngayau</i>	Nama panggilan amalan memburu kepala manusia bagi etnik Iban dan Kayan di Sarawak.
<i>Nuo</i>	Dunia
<i>Olimu</i>	Pakar upacara lelaki
<i>Olois</i>	Dipercayai pakar upacara mencapai ilmu tahap paling tinggi dalam kepercayaan tradisional
<i>Ombiau</i>	Sejenis daun merah dan berbentuk panjang; <i>Cordyline fruticosa</i> .
Parang <i>ilang</i>	Nama panggilan pisau parang etnik Iban di Sarawak.
<i>Pogkosog</i>	Pahlawan etnik Tombonuo
<i>Poriamo</i>	Bintang
<i>Potukol</i>	Sejenis gong kecil yang berbunyi nada tinggi
<i>Pudung</i>	Sejenis pisau parang kecil bertujuan memotong rumput
<i>Puringot</i>	Sejenis rotan
<i>Rinait</i>	Puisi upacara
<i>Rusap-rusapan</i>	Sejenis herba
<i>Sinda'it</i>	Puisi upacara yang menunjuk jalan kepada roh si mati etnik Tombonuo.
<i>Sogit</i>	Didenda membayar balik dengan menggunakan barang atau dalam bentuk duit.
<i>Sokurung</i>	Tali pinggang besi wanita dalam bentuk cincin; loceng kecil.
<i>Solungan</i>	Tembikar kecil yang digunakan oleh <i>bolian</i> dalam upacara tradisional.
<i>Sumanggak</i>	Adat mumbuka pantang daripada kematian si mati; satu pergerakan membuka <i>gadur</i> yang berisi dengan air mandian si mati.
<i>Tampawan</i>	Tangga yang diperbuat daripada buluh dan tidak mempunyai atap
<i>Tapai</i>	Sejenis makanan yang tradisional yang berasaskan beras atau makanan berkanji.
<i>Tau benua</i>	Orang asal
<i>Toburi</i>	Sejenis alat muzik bambu yang mempunyai satu lubang tiupan, hampir serupa dengan seruling bambu etnik Kadazan Dusun.
<i>Togayam</i>	Daun <i>silad</i>


<i>Toliwod</i>	Pembantu pakar upacara
<i>Tombo</i>	Sesuatu tempat
<i>Tombonuo</i>	Menunjuk orang terawal di sesuatu tempat
<i>Tongkak sulid</i>	<i>Disogit</i> dengan barang yang ditentukan
<i>Tuntung</i>	Bunyi ketuk daripada gong dan kulintangan tanpa disusun
<i>Rompakan</i>	secara sengaja, sebagai tanda ada rumah sedang menjalankan upacara <i>mongukas</i> .
<i>Waloi</i>	Pondok yang bersaiz besar.



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **SENARAI LAMPIRAN**

Lampran A:	Gambar-gambar Kajian	159
Lampran B:	Soalan Sesi Temu bual Kajian Lapangan	176
Lampran C:	Teks-teks Verbatim	179



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Etnik Tombonuo ialah etnik peribumi dalam rumpun Paitanik (Masandoi, 1995: 7; Shim, 2007: 265). Majoritinya tinggal di daerah Pitas, Sabah. Berdasarkan sumber daripada Jabatan Pendaftaran Negara Daerah Pitas, Sabah (2012), terdapat hanya kira-kira 500 orang etnik Tombonuo di daerah Pitas yang berdaftar secara rasmi. Menurut sumber daripada Arkib Negeri Sabah (2016), terdapat bilangan etnik Tombonuo sebanyak 61.25% daripada jumlah 17, 600 orang penduduk di daerah Pitas, Sabah. Menurut Sansalu (2008: 65), mereka menuturkan bahasa Paitanik dan dialek Melayu Sabah.

Namun demikian, terdapat kelompok yang menggunakan bahasa "Bulud Upi" dari pantai timur laut Borneo di antara sungai Sugud di utara dengan Tabunak di selatan mempunyai hubungan dengan Tabunwa (panggilan lain bagi etnik Tombonuo), yang disifatkannya tergolong dalam kelompok Dusun Pedalaman (Rutter, 2007 [1929]: 218). Menurut Zainal Kling (1998: 1667), terdapat kelompok Tombonuo tinggal di hulu sungai mempunyai nama asal, iaitu Tasbanua, Tambanuva, Tambawas, Tambanua, Tambunwas, Temnua, Tongnuva, Tunbumohan dan Tunbunwha. Untuk menonjolkan identiti etnik sendiri, mereka menukar nama

panggilan etnik dengan semata-mata. Selain itu, King (1984: 140) dan Sansalu (2008: 24) telah membincangkan bahawa perkataan Tombonuo terdapat dalam beberapa ejaan seperti Tombonua, Tambannuwa, Tambvanuo, Tambaruwa, Tambanwa, Tambunuha, Tambunwha, Tambunao, Tunbunwhas, dan Tembonowa. Tetapi, nama Dusun tetap digunakan secara meluas walaupun

mereka mempunyai nama khusus seperti Tanggara, Liwan, Rungus, Murut, Tobonuo, Tindal, dan Tagahas (Sansalu, 2008: 24). Menurut sumber daripada Persatuan Bangsa Tombonuo Daerah Pitas (2016), etnik Tombonuo adalah panggilan mereka yang asal, dan sehingga hari ini, mereka masih dikenali sebagai Tombunuo (Cheng et al., 2016: 57).

Terdapat kumpulan-kumpulan pendakwa agama Islam pertama mula menyebarkan agama Islam ke kawasan Kinabatangan pada abad ke-15. Akibatnya, banyak etnik di bawah kategori Paitanik telah menganut agama Islam dan telah diberi nama panggilan baharu, iaitu "Orang Sungai" (Daily Express, 2012: 8). Dipercayai sebilangan besar anggota etnik Tombonuo, yang tergolong dalam rumpun Paitanik telah memeluk agama Islam pada zaman Kesultanan Sulu. Sejak dari masa itu, mereka lebih suka dipanggil sebagai Orang Sungai (Abdul Hadi, 1993: 3; Guraman, 1995: 17). Menurut Daimin Kuddieng (Informan), sebagai Bendahari Persatuan Bangsa Tombonuo Sabah (PBTS) di daerah Pitas, etnik Tombonuo yang beragama Islam dikenali sebagai "Sungai Tombonuo" atau "Dusun Tombonuo". Kebanyakan mereka sememangnya tinggal di persisiran sungai tetapi mereka majoriti tinggal di kawasan hilir sungai.

Selain agama Islam, terdapat juga etnik Tombonuo yang menganut agama Kristian dan Baha'i. Dengan kedatangan kumpulan mubaligh Kristian pada tahun 1881, sebahagian daripada etnik ini telah memeluk agama Kristian (Guraman, 1995: 17; Mat Zin, 2003: 42). Sansalu (2008: 66) melaporkan terdapat kelompok mereka tinggal di hulu sungai kekal dikenali sebagai Tombonuo dan kebanyakan antara mereka beragama Kristian. Walaubagaimanapun, masih terdapat sebilangan kecil daripada mereka yang mengamalkan kepercayaan tradisional (Guraman, 1995;